

Pengurusan Jenazah Pesakit COVID-19 di Malaysia: Analisis dari Perspektif Fiqh Islam dan Amalan Perubatan

Management of COVID-19 Deceased Patients in Malaysia: An Analysis from the Perspective of Islamic Jurisprudence and Medical Practices

Faisal Husen Ismail¹, Jasni Sulong^{1*}, Khalilullah Amin Ahmad¹, Arwansyah Kirin², Fitiah M Su`ud³

¹ Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, 11800, Pulau Pinang, MALAYSIA

² Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400, Batu Pahat, MALAYSIA

³ Universitas Muhammadiyah Yogyakarta, INDONESIA

*Pengarang Utama: jasni@usm.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/ahcs.2025.06.02.001>

Maklumat Artikel

Diserah: 29 April 2025

Diterima: 05 Mei 2025

Diterbitkan: 05 Disember 2025

Kata Kunci

Kata Kunci: COVID-19, pengurusan jenazah, fiqh Islam, fatwa, kesihatan awam, Malaysia

Abstrak

Artikel ini membincangkan isu semasa berkaitan dengan pengurusan jenazah pesakit yang meninggal dunia akibat jangkitan COVID-19 di Malaysia. Wabak Coronavirus yang mula dikesan di Wuhan, China telah menular ke seluruh dunia, termasuk Malaysia, dan menjadi penyebab utama kepada peningkatan kadar kematian dalam kalangan pesakit yang dijangkiti. Pengurusan jenazah dalam konteks pandemik ini melibatkan gabungan aspek keagamaan dan perubatan, terutamanya dalam usaha mencegah penularan jangkitan virus yang berbahaya. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis secara mendalam isu-isu berkaitan prosedur pengurusan jenazah pesakit COVID-19 dengan meneliti pandangan fiqh Islam serta garis panduan perubatan yang telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Pendekatan kajian yang digunakan adalah kajian kepustakaan (library research) dengan menggunakan kaedah kualitatif melalui analisis konsep dan perbandingan. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat keserasian antara panduan pengurusan jenazah COVID-19 yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa kesihatan dengan prinsip-prinsip fiqh Islam. Keperluan syariah dan kesihatan dapat dipenuhi secara seimbang tanpa mengabaikan hak-hak si mati sebagai Muslim.

Keywords

COVID-19; Management of the Deceased; Islamic Jurisprudence (Fiqh); Fatwa; Public Health; Malaysia

Abstract

This article examines contemporary issues concerning the management of deceased patients who succumbed to COVID-19 in Malaysia. The Coronavirus outbreak, first identified in Wuhan, China, rapidly spread across the globe, including Malaysia, and has become a major contributor to the rising mortality rate among infected patients. The management of the deceased during the pandemic necessitates the integration of religious

and medical considerations, particularly in efforts to prevent the transmission of this highly infectious virus. This study aims to conduct an in-depth analysis of the procedures for managing the remains of COVID-19 patients by exploring the perspectives of Islamic jurisprudence (fiqh) alongside medical guidelines issued by the relevant authorities. A library-based research approach was employed, utilizing qualitative methods through conceptual analysis and comparative study. The findings indicate a strong alignment between the COVID-19 deceased management protocols issued by health authorities and the principles of Islamic jurisprudence. Both Shariah requirements and public health measures can be harmoniously fulfilled without neglecting the rights of the deceased as a Muslim.

1. Pendahuluan

Pandemik COVID-19 yang melanda dunia sejak akhir tahun 2019 telah memberi impak besar kepada pelbagai aspek kehidupan, termasuk kaedah pengurusan jenazah pesakit yang dijangkiti virus ini (Othman, K., 2021). Virus SARS-CoV-2 yang mula dikesan di Wuhan, China pada 12 Disember 2019 telah tersebar dengan pantas ke seluruh dunia, termasuk Malaysia. Kajian forensik menunjukkan bahawa cecair yang keluar daripada jenazah pesakit COVID-19 berpotensi menyebarkan jangkitan.

Sebagai langkah pencegahan, KKM telah menggariskan prosedur khas untuk pengendalian jenazah pesakit COVID-19. Kajian ini bertujuan meneliti tahap keselarian antara prosedur tersebut dengan prinsip syariah Islam. Islam sebagai agama yang menyeluruh telah menetapkan panduan lengkap berkaitan pengurusan jenazah, merangkumi proses memandikan, mengafankan, mensolatkan dan mengebumikan jenazah.

Perbincangan antara pakar forensik KKM dan pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menghasilkan garis panduan rasmi berkaitan pengendalian jenazah COVID-19 beragama Islam. Menurut garis panduan ini, pengurusan jenazah hendaklah dilakukan sepenuhnya di hospital dengan pengawasan ketat. Ahli keluarga tidak dibenarkan mengurus jenazah sendiri, dan hanya seorang wakil dibenarkan untuk pengecaman jenazah dengan syarat pemakaian peralatan perlindungan diri (PPE) serta penjarakan fizikal sekurang-kurangnya satu meter (Abd Rahman, I., & binti Ramli, A. A., 2021). Kontak fizikal seperti menyentuh atau mencium jenazah tidak dibenarkan.

Kajian ini meneliti keselarian prosedur pengurusan jenazah pesakit COVID-19 di Malaysia dengan prinsip-prinsip syariah Islam, serta menilai bagaimana keseimbangan dapat dicapai antara keperluan kesihatan awam dan pematuhan terhadap tuntutan agama. Dapatan awal menunjukkan bahawa langkah-langkah yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa kesihatan dan agama adalah sejajar dengan prinsip maqasid syariah, khususnya dalam menjaga nyawa (hifz al-nafs) dan memelihara maruah si mati. Justeru kajian ini hendak menganalisis cara yang digunakan oleh pihak pengurusan jenazah dalam mengendalikan jenazah Covid-19.

2. Pernyataan Masalah

Pandemik COVID-19 telah menimbulkan pelbagai persoalan dalam kalangan masyarakat, terutamanya berkaitan dengan kaedah pengurusan jenazah pesakit yang meninggal dunia akibat jangkitan virus ini. Sebagai sebuah negara yang menjadikan Islam sebagai agama rasmi dan mempunyai majoriti penduduk beragama Islam, Malaysia berdepan dengan cabaran untuk memastikan pengurusan jenazah dilaksanakan selari dengan tuntutan syariah serta garis panduan kesihatan awam.

Kajian ini bertujuan untuk meneliti kaedah yang digunakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam menguruskan jenazah pesakit COVID-19 serta menilai kesesuaian pendekatan tersebut dengan hukum-hukum Islam yang berkaitan. Persoalan utama yang dibincangkan adalah sama ada jenazah pesakit COVID-19 perlu dimandikan seperti biasa atau cukup dengan tayammum sahaja, di samping menganalisis ketetapan fatwa dan garis panduan rasmi yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa agama.

Dapatan saintifik dan laporan forensik hasil bedah siasat (post-mortem) telah menunjukkan bahawa bendalir yang keluar daripada jenazah pesakit COVID-19 berpotensi tinggi untuk menyebarkan jangkitan (Aziz, A. R. A., Shafie, A. A. H., Ali, Z., & Dzainal, N. D. S., 2020). Sehubungan itu, pengurusan jenazah dalam konteks ini perlu mengambil kira faktor keselamatan pengendali jenazah dan risiko penyebaran wabak. Kewujudan pelbagai tanggapan dan keraguan dalam kalangan masyarakat memperlihatkan keperluan kepada penjelasan yang tuntas, terutama mengenai rasional pendekatan yang diambil oleh pihak berwajib.

Kajian ini juga meneliti respons dan panduan yang telah dikeluarkan oleh institusi fatwa di Malaysia dalam memastikan bahawa prosedur pengurusan jenazah COVID-19 tidak bercanggah dengan prinsip fiqh serta maqasid syariah, khususnya dalam aspek menjaga nyawa (hifz al-nafs) dan menghormati si mati. Penekanan

turut diberikan kepada pentingnya integrasi antara ilmu perubatan dan hukum syarak dalam menghadapi krisis kesihatan awam yang luar biasa ini

3. Isu berkaitan Pengurusan Jenazah Covid-19

Pandemik COVID-19 telah membawa perubahan ketara dalam pelbagai aspek kehidupan termasuklah dalam urusan pengurusan jenazah. Di Malaysia, pelaksanaan tatacara pengurusan jenazah pesakit COVID-19 telah dilaksanakan dengan mengambil kira keperluan kesihatan awam tanpa mengabaikan prinsip-prinsip syariah Islam (Mahmud, A. T., Subri, I. M., & Majid, M. N. A. (2024). Kajian ini meneliti bagaimana garis panduan pengurusan jenazah yang diguna pakai oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) selaras dengan sunnah Nabawiyah serta prinsip maqasid syariah.

Berdasarkan garis panduan rasmi yang dikeluarkan bagi pengurusan jenazah Islam COVID-19, pendekatan yang digunakan adalah seiring dengan prosedur yang pernah dilaksanakan ketika berhadapan dengan penyakit berjangkit lain seperti Ebola (Yanti, H. E., & Aryati, A., 2015). Ini menunjukkan bahawa Islam telah lama menyediakan kerangka fiqh yang fleksibel bagi menangani situasi-situasi darurat yang membabitkan kesihatan awam. Kaedah tayammum menggantikan mandi wajib misalnya, membuktikan adanya ruang rukhsah dalam syariah apabila wujudnya kemudaratan yang diiktiraf oleh pakar perubatan (Rahman, N. N. A., Ramli, M. A., Mohd, S. M. S. B. S., & Rosale, M. I., 2018).

Prinsip ini mencerminkan sifat Islam sebagai agama yang sentiasa relevan dan praktikal merentas masa dan keadaan. Prosedur pengebumian yang dilaksanakan oleh petugas kesihatan juga selaras dengan tuntutan syarak serta memberikan alternatif yang lebih selamat berbanding kaedah pembakaran mayat. Had kehadiran dalam pengurusan jenazah merupakan satu langkah bijak dalam membendung penularan wabak tanpa menjejaskan tuntutan fardu kifayah.

Dalam konteks ini, peraturan yang digubal sewaktu pandemik jelas menunjukkan keutamaan menjaga kemaslahatan awam melebihi hak individu, selaras dengan prinsip dar' al-mafāsīd muqaddam 'alā jalb al-maṣāliḥ (menghindari kemudaratan didahulukan daripada memperoleh manfaat). Mereka yang melanggar peraturan kesihatan awam wajar dikenakan tindakan kerana berpotensi menjadi pembawa jangkitan kepada masyarakat umum.

Kesimpulannya, amalan pengurusan jenazah pesakit COVID-19 di Malaysia bukan sahaja memenuhi keperluan kesihatan awam, malah selaras dengan prinsip-prinsip fiqh Islam yang mengutamakan keselamatan dan kemaslahatan umat.

3.1 Isu Memandikan Jenazah

Pandemik COVID-19 telah mengubah secara signifikan pendekatan tradisional terhadap pengurusan jenazah, khususnya dalam hal penyucian (mandi) jenazah mengikut syariat Islam. Dalam keadaan biasa, jenazah dimandikan dengan mengalirkan air ke seluruh tubuh bagi menghilangkan najis dan memastikan kebersihan sebelum proses pengafanan. Namun, risiko jangkitan daripada bendalir tubuh pesakit COVID-19 menjadikan amalan ini berbahaya kepada pengendali jenazah. Justeru, tayammum sebagai alternatif telah diiktiraf sebagai kaedah syarie yang sah dan sesuai digunakan dalam situasi darurat ini.

Pendekatan pengurusan jenazah COVID-19 di Malaysia, khususnya aspek tayammum yang dijalankan menggantikan mandi wajib, dan menilai kesesuaiannya dari sudut hukum syarak dan keperluan kesihatan awam. Berdasarkan laporan oleh Ratna Ajeng Tejomukti (2020), jenazah pesakit COVID-19 berisiko untuk terus menyebarkan jangkitan melalui sentuhan. Oleh itu, tayammum merupakan kaedah paling selamat yang dapat meminimumkan risiko kepada pengurus jenazah tanpa menjejaskan kewajipan fardu kifayah (Nurhayati, N., Purnama, T. B., & Siregar, P. A., (2020).

Tayammum biasanya melibatkan sapuan debu ke atas wajah dan tangan jenazah. Namun, dalam konteks COVID-19, jenazah dibalut dengan dua lapisan beg jenazah dan tayammum dilakukan di atas permukaan beg tersebut (Bhari, A., & Mahaiyadin, M. H., 2021), tepat pada bahagian muka dan tangan secara simbolik. Imam Masjid Negara, Muhammad Afif Jamal (2020), menyatakan bahawa pengendali jenazah perlu memakai kelengkapan perlindungan peribadi (PPE) sepenuhnya dan jenazah tetap dihadapkan ke arah kiblat semasa proses berlangsung.

Tayammum dilaksanakan menggunakan tiga helai kertas khas yang ditaburi debu tayammum. Pengendali menepuk tangan yang bersih pada permukaan debu sebelum menyapunya ke atas lokasi yang ditentukan di atas beg jenazah. Prosedur ini dilakukan secara berhati-hati dan mengikut hukum syarak, dengan kehadiran waris bagi tujuan pengecaman jenazah, tetapi pada jarak sekurang-kurangnya satu meter bagi mematuhi garis panduan keselamatan.

Ini menunjukkan bahawa Islam mempunyai kerangka hukum yang fleksibel dan adaptif terhadap situasi semasa. Prosedur tayammum yang diamalkan dalam pengurusan jenazah COVID-19 membuktikan bahawa

prinsip maqasid syariah, khususnya pemeliharaan nyawa (*hifz al-nafs*), diberi keutamaan dalam pelaksanaan hukum fiqh ketika menghadapi darurat kesihatan awam.

3.2 Isu Solat Jenazah

Solat jenazah merupakan salah satu tuntutan fardhu kifayah dalam Islam yang perlu dilaksanakan sebagai penghormatan terakhir terhadap jenazah Muslim. Dalam situasi pandemik COVID-19, pelaksanaan ibadah ini turut terkesan akibat peraturan kesihatan awam dan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat.

Pandemik COVID-19 telah menuntut penyesuaian terhadap pelbagai aspek kehidupan beragama, termasuk ibadah solat jenazah. Walaupun hukum pelaksanaannya adalah fardhu kifayah, keperluan untuk mematuhi garis panduan kesihatan awam telah mempengaruhi cara ia dilaksanakan. Solat jenazah yang lazimnya dilakukan secara berjemaah di masjid atau lokasi awam perlu disesuaikan bagi meminimalkan risiko jangkitan.

Mengikut ketetapan Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia, jumlah jemaah yang hadir untuk solat jenazah perlu dihadkan, dengan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya satu meter antara individu. Menurut fatwa Mufti Wilayah Persekutuan (2020), merenggangkan saf dalam solat secara umum adalah makruh dan boleh menyebabkan terluputnya pahala solat berjemaah. Namun, dalam keadaan darurat kesihatan seperti pandemik, pelaksanaan penjarakan fizikal adalah dibenarkan (Rashid, Z. A. N., Mazri, N. M., & Rosele, M. I., 2022) dan tidak tergolong dalam kategori makruh mahupun haram kerana ia dilakukan atas dasar dharurat dan maslahat umum.

Bagi kes di mana keluarga dan kenalan tidak dapat hadir secara fizikal, solat jenazah ghaib menjadi alternatif yang diharuskan oleh syarak. Menurut Datuk Dr. Anhar Opir, Timbalan Mufti Wilayah Persekutuan, pelaksanaan solat jenazah ghaib boleh dilakukan secara bersendirian atau berjemaah bersama ahli keluarga di kediaman masing-masing. Ini merupakan bentuk penghormatan terakhir kepada jenazah yang tidak dapat ditatap secara langsung.

Para ulama tidak meletakkan had masa tertentu bagi pelaksanaan solat jenazah ghaib, asalkan berita kematian masih bersifat baharu dan jenazah telah dikafankan serta dikebumikan. Solat ini juga memperlihatkan fleksibiliti hukum fiqh dalam menyesuaikan diri dengan keperluan semasa tanpa mengabaikan nilai spiritual dan adab terhadap si mati.

Justeru, pandemik COVID-19 menuntut umat Islam menyesuaikan pelaksanaan ibadah agar selari dengan syariat dan keperluan kesihatan awam. Solat jenazah, sama ada dilakukan secara fizikal dalam skala kecil atau secara ghaib, tetap merupakan fardhu kifayah yang perlu ditunaikan. Hukum Islam menyediakan ruang fleksibiliti yang membolehkan umatnya terus beribadah tanpa mengabaikan aspek keselamatan dan maslahat umum.

3.3 Isu Mengkafankan Jenazah

Pandemik COVID-19 telah membawa perubahan signifikan terhadap kaedah pengurusan jenazah, termasuk dalam aspek pengafanan. Artikel ini membincangkan penyesuaian prosedur pengafanan jenazah pesakit COVID-19 di Malaysia dengan meneliti keseimbangan antara pematuhan terhadap hukum syarak dan pelaksanaan garis panduan kesihatan antarabangsa. Kajian ini turut menyoroti pendekatan pihak berkuasa kesihatan dan pandangan pakar perubatan serta tokoh agama dalam menangani isu ini.

Dalam amalan Islam, proses mengkafankan jenazah merupakan salah satu rukun dalam pengurusan jenazah. Secara tradisional, jenazah lelaki dikafankan dengan tiga helai kain kafan manakala jenazah wanita dengan lima helai. Namun, kemunculan pandemik COVID-19 telah memaksa penyesuaian terhadap kaedah ini demi memastikan keselamatan pihak pengendali dan memutuskan rantai jangkitan.

Menurut kajian oleh Nur Aini (2020), prosedur pengafanan jenazah pesakit COVID-19 memerlukan pembungkusan dengan tiga lapisan berbeza: lapisan pertama menggunakan plastik, diikuti dengan kain kafan, dan lapisan ketiga pula ialah beg jenazah atau plastik kedua. Panduan ini sejajar dengan saranan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang menekankan keselamatan maksimum dalam pengurusan mayat yang berpotensi membawa jangkitan.

Rohaizat Yon (2020) menegaskan bahawa setiap jenazah pesakit COVID-19 perlu dibalut menggunakan sehelai linen putih dan dua lapisan beg mayat. Lapisan paling luar kemudiannya akan disanitasi menggunakan larutan sodium hypochlorite pada kepekatan 0.5%. Ahli keluarga juga tidak dibenarkan membuka beg jenazah atau keranda, selaras dengan langkah pencegahan yang ketat.

Walaupun berlaku perubahan dalam proses pengafanan, penyesuaian ini masih menepati prinsip-prinsip maqasid syariah, khususnya dalam aspek menjaga nyawa (*hifz al-nafs*). Penggunaan lapisan pelindung tambahan dan sanitasi adalah suatu bentuk tadbir dharurat yang dibenarkan syarak dalam situasi berisiko tinggi. Kaedah ini turut memelihara kehormatan jenazah serta menghindari kemudaratan terhadap masyarakat.

Setelah proses pengafanan selesai, jenazah akan dimasukkan ke dalam peti mayat kedap udara dan air (Sijabat, H. H., & No, S. P. R., 2020). Peti ini akan diposisikan agar jenazah dalam keadaan mengiring ke kanan menghadap kiblat sebagaimana yang dituntut oleh syarak. Langkah ini menunjukkan bahawa walaupun wujud keperluan penyesuaian dari segi keselamatan, prinsip-prinsip asas dalam pengurusan jenazah Islam tetap dikekalkan.

Prosedur pengafanan jenazah pesakit COVID-19 di Malaysia menunjukkan keupayaan sistem pengurusan jenazah Islam untuk beradaptasi dengan situasi kritikal. Pendekatan ini membuktikan bahawa syariat Islam bersifat dinamik dan sentiasa relevan untuk diaplikasikan dalam konteks semasa dengan mengambil kira prinsip kemaslahatan dan keselamatan awam.

3.4 Isu Kelewatan dan Tempat Pengebumian Jenazah

Secara asasnya, Islam menuntut agar jenazah dikebumikan dengan segera selepas proses solat jenazah disempurnakan. Namun, semasa pandemik COVID-19, peningkatan mendadak jumlah kematian serta kekangan fasiliti pengebumian telah menyebabkan kelewatan dalam proses tersebut. Keadaan ini menimbulkan persoalan dari sudut hukum fiqh tentang kebolehan menangguhkan atau memindahkan tempat pengebumian jenazah. Menurut Azhar Idrus (2019), penangguhan pengebumian dibenarkan sekiranya mempunyai sebab yang kukuh dan tidak melebihi had masa yang boleh mendatangkan kemudaratan kepada jenazah. Dalam konteks pandemik, faktor seperti kekurangan tanah perkuburan yang sesuai dan kepadatan kematian dalam tempoh singkat dianggap sebagai keperluan syarie yang sah.

Isu pengebumian di tempat yang berlainan daripada lokasi kematian turut menjadi perhatian. Ustaz Abd Razak (2019) merujuk kepada pandangan Imam Ibn Hajar al-'Asqalani dalam *Fath al-Bari*, yang menyatakan bahawa para ulama berbeza pendapat berkenaan hukum memindahkan jenazah. Sebahagian ulama menganggapnya sebagai makruh kerana dikhuatiri melambatkan pengebumian, manakala yang lain mengharuskannya atas sebab-sebab tertentu.

Pandangan al-Syafi'i juga membenarkan pemindahan jenazah ke lokasi yang mempunyai kelebihan tertentu, seperti Tanah Haram Makkah, dengan syarat jarak tidak terlalu jauh dan tidak melibatkan kemudaratan. Maka, keharusan ini berasaskan pertimbangan maslahat dan maqasid syariah.

Dalam konteks Malaysia, prosedur pengebumian pesakit COVID-19 diselaraskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan mengambil kira kepatuhan kepada SOP kesihatan dan garis panduan syariah. Kelewatan pengebumian yang berlaku bukanlah disengajakan, sebaliknya disebabkan oleh tekanan operasi dan kapasiti tanah perkuburan. Oleh itu, ia berada dalam batas keharusan syarak.

Penyesuaian prosedur pengebumian semasa pandemik membuktikan keanjalan hukum Islam dalam menghadapi realiti semasa. Hukum syarak memberikan ruang pertimbangan berdasarkan keperluan dan maslahat, selagi mana tidak melanggar prinsip utama pengurusan jenazah. Ini selaras dengan pendekatan fiqh semasa yang bersifat dinamik dan kontekstual.

3.5 Isu Pengebumian Jenazah

Proses pengebumian jenazah tidak mengalami perubahan ketara walaupun dalam situasi pandemik. Menurut Mufti Johor (2020), pengebumian jenazah hendaklah dilaksanakan oleh petugas tanah perkuburan yang dilantik sahaja. Petugas-petugas ini diwajibkan memakai pakaian perlindungan diri (Personal Protective Equipment, PPE) sepenuhnya bagi memastikan keselamatan diri sepanjang proses berlangsung.

Bagi mengurangkan risiko kontak langsung dengan jenazah, penggunaan keranda amat digalakkan. Semasa pengebumian, petugas bertanggungjawab menurunkan jenazah ke dalam liang lahad dengan menghadapkan muka jenazah ke arah kiblat, tanpa membuka sebarang ikatan pada kain kafan. Seterusnya, proses pengambusan tanah ke atas liang lahad perlu dilakukan dengan segera untuk melengkapkan tatacara pengebumian.

Bacaan talkin boleh dilaksanakan secara ringkas dengan mengambil kira faktor masa dan keselamatan. Selepas semua urusan pengebumian selesai, petugas-petugas dikehendaki meninggalkan kawasan tanah perkuburan tanpa berlengah, selaras dengan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

3.6 Isu Penolakan Jenazah

Wabak COVID-19 yang membawa ancaman serius terhadap keselamatan nyawa manusia telah mencetuskan kebimbangan mendalam dalam kalangan masyarakat, sehingga timbul fenomena penolakan terhadap pengebumian jenazah yang disyaki atau disahkan dijangkiti virus tersebut. Menurut Achmat Hilmi (2020), segala bentuk penolakan terhadap pengebumian jenazah pesakit COVID-19 merupakan penolakan terhadap jenazah para syuhada, dan perbuatan ini dilihat sebagai penghinaan terhadap kemuliaan ciptaan Allah SWT.

Penolakan sedemikian bukan sahaja menyalahi nilai kemanusiaan, malah merupakan pelanggaran terhadap hak jenazah para syuhada dalam perspektif hukum Islam. Achmat Hilmi (2020) menegaskan bahawa

individu yang terlibat dalam penolakan pengebumian jenazah ini telah melakukan beberapa kesalahan besar menurut syariat Islam. Pertama, mereka telah melanggar kewajiban fardhu kifayah, yaitu kewajiban kolektif umat Islam dalam menguruskan dan menguburkan jenazah. Kedua, tindakan tersebut mencerminkan ketidakpedulian terhadap kehormatan jenazah, sekaligus melanggar prinsip maqasid Syariah yang menekankan pemeliharaan maruah insan. Akhir sekali, penolakan ini juga dianggap sebagai kegagalan untuk menjunjung tinggi kehormatan para syuhada, golongan yang diberikan kedudukan istimewa dalam Islam.

Justeru, isu pengurusan jenazah Covid 19 perlulah ditangani dan tidak seharusnya dipandang remeh kerana ia merupakan fardhu kifayah dan perkara yang penting bagi umat Islam. Perbincangan mengenainya telah dibicarakan melalui kajian-kajian tempatan dan luar negara. Ini menunjukkan bahawa pengurusan jenazah Covid 19 merupakan salah satu kesukaran yang ditimpa ketika negara diserang wabak.

4. Cara Yang Digunakan Pihak Pengurusan Jenazah Dalam Mengendalikan Jenazah Covid-19

Dalam ajaran Islam, pengurusan jenazah merupakan suatu kewajiban yang tergolong dalam kategori fardhu kifayah, iaitu satu kewajiban kolektif ke atas masyarakat Muslim. Kewajiban ini bertujuan untuk menjaga kepentingan dan kehormatan umat Islam secara keseluruhan. Sekiranya pengurusan jenazah diabaikan tanpa ada wakil yang melaksanakannya, maka seluruh anggota masyarakat akan menanggung dosa atas kelalaian tersebut.

Salah satu proses penting dalam pengurusan jenazah ialah pengkafanan, yang dilaksanakan selepas selesai proses memandikan jenazah. Dalam tradisi pengurusan jenazah Islam, pengkafanan dilakukan dengan menutupi tubuh jenazah menggunakan helaian kain kafan yang bersih. Lazimnya, jenazah lelaki memerlukan tiga helaian kain kafan untuk melitupi seluruh badan, manakala bagi jenazah perempuan, kebiasaannya digunakan lima helaian kain kafan. Bilangan helaian ini bertujuan untuk memastikan aurat jenazah terpelihara dengan sempurna, selaras dengan prinsip menjaga kehormatan dalam Islam. Dari 'Aisyah radhiallahu'anha ia berkata:

“Rasulullah Shallallahu'alaihi Wasallam dikafankan dengan 3 helaian kain putih sahuliyah dari Kursuf, tanpa gamis dan tanpa imamah” (HR. Muslim no. 941).

Sebagaimana yang kita ketahui bahawa mayat wanita sebaiknya dipakaikan kain kafan sebanyak 5 helaian agar auratnya lebih terjaga dari pandangan orang. Walaubagaimanapun, terdapat perubahan telah dilakukan bagi memudahkan proses pengurusan jenazah pesakit Covid-19 semenjak wabak tersebut melanda seluruh dunia. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan Ia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama.” (Surah al-Haj: 78)

Dalam situasi pandemik COVID-19, pihak berwajib telah menetapkan beberapa pengecualian dan kelonggaran (rukhsah) dalam proses pengurusan jenazah pesakit yang terlibat. Kelonggaran ini diberikan berdasarkan pertimbangan syarak yang mengutamakan prinsip mengelakkan kemudaratan terhadap nyawa manusia, khususnya mereka yang terlibat secara langsung dalam pengurusan jenazah.

Bagi tujuan keselamatan, prosedur pembungkusan jenazah telah ditetapkan dengan piawaian tertentu. Lapisan pertama yang membalut jenazah ialah plastik, diikuti dengan balutan kain kafan, dan seterusnya dibungkus dengan plastik tambahan atau dimasukkan ke dalam beg jenazah khas. Protokol pembungkusan ini adalah selari dengan garis panduan yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organization, WHO).

Selain itu, kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa dalam beberapa situasi, jenazah pesakit COVID-19 dibalut menggunakan sehelai linen putih, diikuti dengan dua lapisan beg mayat. Lapisan luarnya kemudiannya disanitasi menggunakan larutan natrium hipoklorit (sodium hypochlorite) pada kadar kepekatan 0.5 peratus. Langkah-langkah ini diambil sebagai langkah pencegahan untuk mengelakkan risiko jangkitan wabak kepada pihak yang menguruskan jenazah serta masyarakat umum.

Selesai proses mengkafankan jenazah, beralih pula ke proses mensolatkan jenazah. Sebelum pandemik berlaku, solat jenazah sunat dan lebih afdal dilakukan di tempat yang suci dan berkat yang boleh menghimpunkan ramai jemaah seperti masjid dan surau. Sebagaimana disebutkan dalam sebuah Hadits yang diriwayatkan Imam Muslim:

Bahawa ketika Sa'd bin Abu Waqqash meninggal, Aisyah berkata, “Masukkanlah ia ke dalam masjid hingga aku dapat mensolatkannya.” Namun mereka tidak menyetujuinya, maka ia pun berkata, “Demi Allah, sungguh Rasulullah SAW telah mensolatkan jenazah dua orang

putra Baidla` di dalam masjid, iaitu Suhail dan saudaranya.” Muslim berkata; “Suhail bin Da’d adalah Ibnul Baidla`, dan ibunya adalah Baidla`. (HR Muslim)

Pandemik COVID-19 telah membawa perubahan tertentu dalam pelaksanaan solat jenazah, khususnya bagi jenazah pesakit yang dijangkiti virus ini. Proses solat jenazah tidak lagi dilaksanakan seperti biasa, sebaliknya perlu mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh pihak berkuasa. Antara ketetapan utama ialah pelaksanaan solat di lokasi-lokasi tertentu yang telah ditentukan, penjarakan fizikal sekurang-kurangnya satu meter antara jemaah, serta had bilangan jemaah yang dibenarkan untuk menyertai solat tersebut.

Walaupun pada asalnya hukum merenggangkan saf dalam solat adalah makruh, pelaksanaan solat dengan jarak di antara jemaah dibenarkan dalam konteks pandemik. Ini kerana isu solat jemaah secara berjarak termasuk dalam kategori Fiqh al-Nawāzil, iaitu perbincangan fiqh berkaitan isu-isu baharu yang timbul, dengan tujuan utama untuk menjaga kemaslahatan umat. Menurut pandangan ulama kontemporari, antaranya Fadhilah Al-Syeikh Muhammad Al-Hasan Al-Dedew, sekiranya perbuatan merapatkan saf berpotensi mendatangkan mudarat, maka adalah wajib untuk meninggalkan perbuatan tersebut. Beliau menegaskan bahawa meskipun suatu amalan itu pada asalnya sunat atau wajib, kewajipan tersebut boleh gugur apabila terdapat risiko kemudaratan yang jelas atau yang dijangka berlaku.

Sehubungan itu, pelaksanaan solat jenazah dengan penjarakan fizikal sepanjang pandemik adalah dibenarkan dan tidak bercanggah dengan prinsip syariah. Selain itu, sebagai alternatif, ahli keluarga atau kenalan jenazah boleh melaksanakan solat jenazah ghaib serta mendoakan kesejahteraan roh si mati sebagai satu pendekatan yang sesuai dalam situasi luar biasa seperti musim wabak ini. Sebagaimana sabda Nabi SAW daripada Abu Hurairah RA yang bermaksud:

“Sesungguhnya Rasulullah SAW memberitahu akan berita kematian al- Najasyi ketika hari kematiannya. Baginda SAW keluar ke musolla, membuat saf dan bertakbir sebanyak empat kali. Riwayat Al-Bukhari (1245)

Ulama juga tidak menetapkan tempoh masa khusus bagi melaksanakan solat jenazah ghaib. Solat tersebut boleh dilakukan selepas sehari, dua hari atau seminggu selepas kematian jenazah tersebut asalkan maklumat mengenai kematian baru sahaja diterima. Namun demikian, orang ramai hendaklah memastikan jenazah tersebut telah pun dikafankan dan dikebumikan sebelum melaksanakan solat jenazah ghaib.

Semasa pengurusan jenazah sebelum pandemik Covid 19, kita disarankan untuk mempercepatkan proses pengurusan jenazah ke liang lahad. Rasulullah S.A.W bersabda yang bermaksud:

“Apabila matinya salah seorang dari kamu maka janganlah kalian mengurungnya (melewatkan pengebumiannya) dan segerakanlah membawanya ke kuburnya.” Riwayat al-Baihaqi (8689)

Sejak penularan wabak COVID-19, fenomena kelewatan dalam proses pengebumian jenazah semakin kerap berlaku. Keadaan ini berpunca daripada peningkatan mendadak jumlah kematian akibat wabak tersebut, di samping keterbatasan kawasan pengebumian yang tersedia. Fenomena ini telah mendorong perbincangan dalam kalangan ulama mengenai hukum kelewatan dan pemindahan jenazah berdasarkan dalil-dalil syarak yang terdahulu.

Secara umum, hukum kelewatan pengebumian jenazah bergantung kepada keadaan tertentu. Menurut sebahagian ulama, kelewatan tersebut diharuskan sekiranya terdapat sebab yang kukuh, seperti mencari kawasan pengebumian yang sesuai, dengan syarat ia tidak mengambil masa yang panjang sehingga memudaratkan keadaan jenazah. Namun demikian, ada juga pandangan yang menyatakan bahawa kelewatan pengebumian adalah makruh kerana ia menangguhkan pelaksanaan kewajipan terhadap jenazah. Tahap kemakruhan ini pula boleh berubah menjadi haram sekiranya kelewatan itu membawa kepada kemudaratan terhadap jenazah, seperti menyebabkan jenazah mereput atau mengeluarkan bau yang tidak menyenangkan.

Selain itu, hukum pemindahan jenazah dari tempat kematian ke lokasi pengebumian lain turut dibincangkan. Secara asasnya, pemindahan jenazah diharuskan sekiranya melibatkan jarak yang dekat dan membawa manfaat tertentu, seperti memperoleh ruang pengebumian yang lebih sesuai atau kemudahan pengurusan yang lebih baik.

Berdasarkan kajian lapangan yang dilakukan, proses pengebumian jenazah COVID-19 tidak menunjukkan banyak perubahan daripada aspek asasnya. Proses pengebumian hendaklah dikendalikan oleh petugas tanah perkuburan yang lengkap memakai pakaian perlindungan diri (Personal Protective Equipment, PPE). Jenazah tetap dihadapkan ke arah kiblat, namun segala ikatan pada kain kafan tidak dibuka bagi mengelakkan potensi penyebaran penyakit. Proses pengambusan tanah serta bacaan tahlil hendaklah dilaksanakan dengan segera,

dan petugas dikehendaki meninggalkan kawasan perkuburan sejurus selepas selesai semua urusan pengebumian, sejajar dengan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

5. Tatacara Pengurusan Jenazah Pesakit Covid-19 Sama Ada Perlu Dimandikan atau Ditayamumkan Sahaja

Di antara perkara yang dituntut dalam proses pengurusan jenazah ialah memandikan jenazah. Berdasarkan sebuah riwayat Ibn Abbas R. an-huma yang menceritakan berkenaan seorang lelaki yang terjatuh dari untanya semasa menunaikan umrah lalu lehernya patah dan meninggal dunia. Oleh itu, Nabi S.A.W bersabda yang bermaksud:

“(Hendaklah kalian) memandikan dia dengan air dan daun bidara. Dan kafanlah dia dengan dua helai pakaian serta janganlah kalian menutup kepalanya. Kerana sesungguhnya Allah akan membangkitkan dia pada hari kiamat dalam keadaan sedang bertalbiah.” Riwayat Muslim (1206)

Berdasarkan hadis di atas, ia jelas menunjukkan bahawa perintah Rasulullah S.A.W tentang memandikan jenazah seseorang yang meninggal dunia ialah wajib kifayah dan tidak boleh diabaikan. Namun begitu, disebabkan wabak Covid-19 ialah penyakit mudah berjangkit ia boleh memberi kesan kepada orang yang memandikan. Maka Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) telah mengadakan perbincangan dan memutuskan bahawa proses memandikan jenazah Covid-19 boleh digantikan dengan melakukan tayamum sahaja. Dalam rangka untuk menentukan jawapan ini, Jawatankuasa telah mengambil kaedah yang seperti mana yang dinyatakan di dalam Al-Quran yang bermaksud:

“Dan Kami tidak mengutus sebelum engkau (Muhammad), melainkan orang laki-laki yang Kami beri wahyu kepada mereka; maka bertanyalah kepada orang yang mempunyai pengetahuan jika kamu tidak mengetahui.” Surah Al-Nahl ayat 43.

Perkara ini juga telah dibincangkan bersama Kementerian Kesihatan Malaysia dan pakar perubatan. Terdapat juga pandangan bahawa wabak ini mendatangkan mudarat yang cukup besar terutamanya kepada petugas yang perlu menguruskan jenazah yang kebanyakannya bukan dari kalangan ahli perubatan. Oleh itu, kaedah tayammum adalah kaedah yang terbaik. Kaedah ini juga digunakan kepada jenazah ketika wabak Ebola menyerang pada ketika dahulu.

Dalam hukum Islam, konsep rukhsah diperkenalkan sebagai bentuk kelonggaran hukum dalam situasi yang membawa kepada kemudaratan. Pemberian rukhsah ini mestilah berasaskan pertimbangan yang sah daripada pakar perubatan atau pakar forensik yang berautoriti. Dalam konteks pandemik COVID-19, rukhsah diberikan dalam pengurusan jenazah bagi mengelakkan risiko jangkitan yang boleh membawa maut kepada petugas akibat daripada kontak langsung dengan cecair badan jenazah seperti darah, muntah, najis dan lain-lain melalui proses pengurusan jenazah.

Berdasarkan garis panduan semasa, jenazah pesakit COVID-19 diletakkan dalam beg mayat (body bag) dan proses tayamum dilaksanakan di atas permukaan beg tersebut sahaja, tanpa perlu membuka balutan. Proses ini bertujuan untuk meminimumkan sentuhan terus antara petugas dengan jenazah. Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, turut menegaskan bahawa virus COVID-19 berpotensi wujud pada permukaan badan pesakit dan jenazah. Oleh itu, pendekatan melakukan tayamum di atas body bag adalah bertepatan dengan prinsip menjaga maslahat dan mengelakkan kemudaratan (Halim, N. N. B., 2022).

Dalam pelaksanaan tayamum, petugas pengurusan jenazah diwajibkan memakai pakaian perlindungan diri lengkap (Personal Protective Equipment, PPE) sebelum memulakan proses. Debu tayamum diletakkan dan diratakan di atas satu permukaan yang bersih. Petugas hendaklah memakai sarung tangan dalam keadaan kering dan bersih. Kedua-dua tapak tangan kemudian dilekapkan pada permukaan debu dan ditipiskan, sebelum disapukan secara satu sapuan ke atas bahagian lengan serta muka jenazah pada permukaan body bag. Satu kali lekapan atau dua kali lekapan pada permukaan debu boleh dilakukan mengikut keperluan anggota tayamum yang hendak disapu.

Setelah proses tayamum selesai, semua peralatan yang digunakan, termasuk permukaan debu dan sarung tangan, perlu dilupuskan mengikut prosedur keselamatan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), bagi memastikan tiada risiko jangkitan lanjut kepada petugas atau masyarakat

4. Kesimpulan

Pengurusan jenazah pesakit COVID-19 merupakan isu penting yang memerlukan perhatian khusus daripada masyarakat di Malaysia, terutamanya dalam kalangan umat Islam. Pengurusan jenazah yang betul tidak hanya memenuhi kewajipan agama, tetapi juga memainkan peranan penting dalam memastikan hak asasi jenazah dan prinsip bioetika dipenuhi. Dalam konteks ini, pengurusan jenazah menjadi satu aspek yang perlu dilaksanakan dengan berhati-hati bagi memastikan hak individu dan masyarakat dijaga selaras dengan ajaran Islam.

Isu utama yang timbul adalah kekeliruan dalam kalangan sebahagian masyarakat mengenai tatacara pengurusan jenazah COVID-19. Kurangnya pengetahuan yang tepat mengenai prosedur ini dapat menimbulkan pelbagai polemik dan kekeliruan yang berpotensi memberi impak negatif terhadap pemikiran masyarakat. Kekeliruan ini, jika tidak diatasi, boleh mencetuskan pelbagai ideologi dan fahaman yang salah mengenai cara yang betul dalam menguruskan jenazah pesakit COVID-19, seterusnya mengelirukan masyarakat.

Sehubungan dengan itu, pelbagai langkah dan prosedur telah diambil oleh pihak berkuasa untuk mengawal penyebaran virus daripada jenazah pesakit COVID-19, terutamanya bagi mengelakkan jangkitan kepada pengurus jenazah dan masyarakat sekeliling. Pada peringkat awal, beberapa kaedah yang digunakan dalam pengurusan jenazah COVID-19 menimbulkan keraguan dalam kalangan masyarakat mengenai keberkesanannya. Walau bagaimanapun, keraguan tersebut telah dijawab melalui pelaksanaan kaedah yang lebih terjamin dan berkesan, yang kini menjadi amalan utama dalam pengurusan jenazah pesakit COVID-19 di Malaysia.

Penghargaan

Penulis mengucapkan terima kasih atas segala sumbangan dan jasa kepada Universiti Sains Malaysia dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia sehingga penulisan artikel ini dapat dihasilkan.

Konflik Kepentingan

Tidak ada konflik kepentingan yang berkaitan dengan penerbitan artikel ini.

Sumbangan Penulis

*Penulis mengesahkan sumbangan kepada kertas ini seperti berikut: **konsepsi dan reka bentuk kajian:** Faisal Bin Husen Ismail, Jasni Bin Sulong; **pengumpulan data:** Faisal Bin Husen Ismail; **analisis dan interpretasi hasil:** Arwansyah Bin Kirin, Fitriah Su'ud, Khalilullah Amin Bin Ahmad; **penyediaan draf manuskrip:** Faisal Bin Husen Ismail, Khalilullah Amin Bin Ahmad. Semua penulis telah mengkaji hasil dan meluluskan versi terakhir manuskrip.*

Rujukan

Abd Rahman, I., & binti Ramli, A. A. (2021). Isu dan cabaran dalam pelaksanaan pendidikan peringkat rendah dan menengah: Pendekatan Malaysia semasa pandemik COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(9), 1-13.

Aziz, A. R. A., Shafie, A. A. H., Ali, Z., & Dzainal, N. D. S. (2020). Pengamalan nilai agama dalam mengatasi kemurungan semasa pandemik COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(12), 31-44.

Bhari, A., & Mahaiyadin, M. H. (2021). Analisis Keputusan Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) Berkaitan Covid-19 di Malaysia. *Jurnal'Ulwan*, 6(3), 25-36.

Halim, N. N. B. (2022). Kaidah Darurat dalam Fatwa MUI Nomor 14 Tahun 2020 dan Fatwa Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Malaysia tentang Pemandian Jenazah Covid-19 (Doctoral dissertation, UIN Ar-Raniry).

Mahmud, A. T., Subri, I. M., & Majid, M. N. A. (2024). Aplikasi Kaedah Fiqh Lā Yunkar Taghayyur Al-Aḥkām Bi Taghayyur Al-Azmān: Analisis Garis Panduan Tatacara Pengurusan Jenazah Orang Islam Yang Dijangkiti Covid-19: [The Application Of Islamic Legal Maxim Of The Lā Yunkar Taghayyur Al-Aḥkām Bi Taghayyur Al-Azmān: An Analysis Of Changes In The Guideline Of Management Of The Muslim Bodies Infected With Covid-19]. *Ulum Islamiyyah*, 36(01), 35-45.

Nurhayati, N., Purnama, T. B., & Siregar, P. A. (2020). *Fikih Kesehatan: Pengantar Komprehensif*.

Othman, K. (2021). Cabaran dan Impak Pandemik Covid-19 Terhadap Institusi Kekeluargaan di Malaysia. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 14(12), 187-196.

Rahman, N. N. A., Ramli, M. A., Mohd, S. M. S. B. S., & Rosale, M. I. (2018). Relevansi Teori Al-Maslahah Menurut al-Syatibi Dalam Menangani Isu Probatan Masa Kini. *Al-Risalah*, 13(01), 47-64.

Rashid, Z. A. N., Mazri, N. M., & Rosele, M. I. (2022). Masjid Sebagai Pusat Rawatan Sementara Ketika Wabak: The Role of Mosque as a Medical Treatment Centre. *ALBASIRAH JOURNAL*, 12(2), 95-106.

Sijabat, H. H., & No, S. P. R. (2020). Penanganan Jenazah Selama Pandemi Covid-19; Studi Banding Hukum Islam, Hukum Positif Di Indonesia Dan Pengaturan Di Negara Lain. *JIPMuktj: Jurnal Ilmu Pendidikan Muhammadiyah Kramat Jati*, 1.

Tejomukti, R. A. (2020). Tanpa Izin, Jamaah Tabligh Tetap Gelar Ijtima'Dunia di Gowa.

Yanti, H. E., & Aryati, A. (2015). PENYAKIT VIRUS EBOLA. *INDONESIAN JOURNAL OF CLINICAL PATHOLOGY AND MEDICAL LABORATORY*, 21(2), 195-201.

<https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC7258884/>

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/11/755618/semua-jenazah-pesakit-covid-19-dibalut-dua-beg-mayat>

<https://jknjohor.moh.gov.my/bmv/uploads/Garis%20Panduan%20Tatacara%20Pengurusan%20Jenazah%20Pesakit%20COVID%2019%20Negri%20Johor.pdf>

<https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/3091-al-kafi-1089-solat-jenazah-ghaib-dalam-negeri>

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/03/555646/covid-19-jenazah-meninggal-dunia-dimandi-secara-tayamum>

<https://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/GP-PENGURUSAN-JENAZAH-ISLAM-COVID-19.pdf>

<https://covid-19.moh.gov.my/semasa-kkm/112020/pengurusan-jenazah-covid-19-bagi-pesakit-beragama-islam-dan-bukan-islam>

<https://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2020/06/695653/cabaran-urus-jenazah-mangsa-covid-19> <https://assajidin.com/mengkafani-jenazah-jni-sunnah-dan-dalilnya/>

<https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/924-irsyad-al-fatwa-ke-186-hukum-bagi-mereka-yang-uzur-dan-tidak-dapat-mengambil-wudhu-dengan-air>